

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS MELAKA**

DISEDIAKAN UNTUK

**MEDEC
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS MELAKA**

OLEH

AHMAD FAIZAL B. AMINUDDIN	97107847
ARDIMANSYAH B. AMAN	97218427
MOHD AMBIA B. NORDIN	97108073
MOHD AZIZ B. MOHD AKHUAN	97218473
MOHD SHAHRIZAD B. BASIRON	97108159

**DIPLOMA PENGURUSAN BANK
SEMESTER 05 (B)**



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 17hb. Julai 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma In Banking Studies di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Ahmad Faizal Aminuddin	97107847
2.	Ardimansyah Aman	97218427
3.	Mohd. Ambia Nordin	97108173
4.	Mohd. Aziz Mohd. Akhuan	97218473
5.	Shahrizad Basiron	97108159

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ASMAH HJ. ZAINUDDIN
Ketua Kursus DIB
ITM Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN

Kumpulan Projek Pembuatan Makanan,

“MENTEGA KACANG”

Diploma Pengurusan Bank 5 (B)

Kajian Perniagaan Dan Pengurusan,

Universiti Teknologi Mara,

Kampus Melaka,

Km 26 Jln Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka.

Tn Hj Jamaluddin B Bujang

Pensyarah ETR 300,

Universiti Teknologi Mara,

Kampus Melaka,

Km 26 Jln Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka.

Tuan,

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Merujuk kepada perkara di atas, kami ingin mengemukakan laporan Rancangan Perniagaan seperti yang telah diarahkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, kami dengan suka citanya menyerahkan Rancangan Perniagaan ini yang bertajuk ***“MENTEGA KACANG”*** untuk dibuat penilaian dan tindakan selanjutnya oleh pihak tuan.

Untuk makluman tuan, Rancangan Perniagaan ini akan menerangkan dengan lebih lanjut perihal penubuhan sebuah perusahaan mentega kacang dan memasarkan produk kami di negeri Melaka kerana perusahaan kami adalah perusahaan yang baru memasuki pasaran.

Perniagaan ini akan memberi pendedahan kepada pelajar dengan lebih dekat lagi tentang perniagaan. Adalah diharapkan juga Rancangan Perniagaan ini dapat menjadi bahan rujukan dan panduan kepada kami semua sekiranya kami ingin memulakan perniagaan kami di masa hadapan.

Kami amat berharap agar tuan akan berpuas hati dengan Rancangan Perniagaan ini. Sesungguhnya kami telah berusaha sedaya upaya untuk menyiapkan Rancangan Perniagaan ini dan sebarang kesilapan atau kekurangan harap di maafkan.


Kami sentiasa bersedia memberi sebarang maklumat tambahan sekiranya diperlukan dan kerjasama dari pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.


Yang Benar,



.....
Ahmad Faizal B Aminuddin
97107847




.....
Ardimansyah B Aman
97218427



.....
Mohd Aziz B Mohd Akhuan
97218473



.....
Mohd Shahrizad B Basiron
97108159



.....
Mohd Ambia B Nordin
97108173

PENGENALAN

Di dalam sektor ekonomi yang semakin pulih dan stabil ini, peluang perniagaan semakin terbuka luas untuk diceburi oleh golongan usahawan muda khususnya Bumiputera di Malaysia. Secara tidak langsung juga ia memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan yang berada di dalam dilema pekerjaan.

Rancangan perusahaan memproses mentega kacang keluaran SELERA FOOD INDUSTRIES adalah satu projek dimana menambahkan lagi bilangan kaum Bumiputera dalam bidang perniagaan yang mana dimonopoli sendiri oleh kaum bukan Bumiputera. Perniagaan ini terletak dalam kawasan perindustrian IKS mukim Kelemak, Alor Gajah, Melaka. Ia meliputi aktiviti memproses dan mengeluarkan produk mentega kacang untuk pasaran di pasaraya, hotel dan resort sekitar Melaka.

Memandangkan produk ini telah dikuasai oleh pengeluar luar dan bukan pengeluar tempatan, kami yakin bahawa perniagaan kami mempunyai potensi yang cerah untuk memecah monopoli tersebut di dalam pasaran. Perniagaan ini juga akan mewujudkan persaingan yang sihat antara kami dan pengeluar lain seterusnya berusaha terus untuk memajukan perniagaan kami.

SELERA FOOD INDUSTRIES dijangka akan memulakan operasinya pada Januari 2005 bertempat di 1002, Kawasan Perindustrian Kecil dan Sederhana, Mukim Kelemak, 78000 Alor Gajah, Melaka. Lokasi ini merupakan kawasan yang strategik di mana ianya terletak di kawasan perindustrian, berdekatan dengan jalan utama dan juga infrastruktur asas yang disediakan dapat menjamin pengeluaran dan permintaan yang tinggi dari pelanggan.